

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 6 OKTOBER 2022
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 30

Defisit negara dijangka lebih rendah pada 2023

Defisit negara dijangka lebih rendah pada 2023

KUALA LUMPUR - HSBC Global Research menjangkakan beberapa peringkat penyatuan fiskal dalam Bajet Malaysia 2023 akan memungkinkan defisit yang lebih rendah pada 4.9 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tahun depan.

Dalam satu nota, ahli ekonomi Yun Liu berkata, angka itu dilihat masih tinggi daripada purata 2015-2019 sebanyak 3.3 peratus, dan masih jauh untuk mencapai matlamat defisit fiskal sebanyak 3.5 peratus daripada KDNK pada 2025.

“Selepas tiga tahun berturut-turut defisit fiskal yang besar, beberapa bentuk penyatuan fiskal akan kelihatan menjadi keutamaan.

“Belanjawan 2023 mungkin terbukti menjadi tugas yang rumit antara rancangan penyatuan fiskal pemetaan jalan dan kemungkinan bajet pilihan raya,” katanya.

Dari segi pendapatan, Yun Liu menyatakan bahawa hasil cukai Malaysia telah merosot sejak beberapa tahun berikutan pembatalan cukai barang dan perkhidmatan (GST) pada pertengahan 2018, yang menyumbang kira-kira 20 peratus hasil dan digantikan cukai jualan dan perkhidmatan.

Beliau memetik, sebelum ini kerajaan berkata sedang mengkaji semua pilihan cukai, mencadangkan pengenalan cukai baharu akan mengambil masa yang lama untuk melalui semua prosedur berkaitan, menimbulkan keraguan GST boleh dikenakan semula atau tidak.

“Jika Bajet 2023 bajet pilihan raya, sukar memperkenalkan pembaharuan cukai yang besar,” katanya. - *Bernamea*